

Headline	Keruing Padi kebanggaan UiTM Perak		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	20 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	231,163
Page No	N5	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	180 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,015
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,045



Keruing Padi kebanggaan UiTM Perak

Seri Iskandar: Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak buat pertama kali menganjurkan program Rimba & Alam Sekitar Tanggungjawab Anda 2013 (RASTA 2013) selama tiga hari, bermula semalam.

Program dengan kerjasama Jabatan Landskap Negara (JLN), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) itu bertujuan memperkenalkan pokok Keruing Padi atau nama saintifiknya, *Dipterocarpus Semivestitus*. Spesies warisan dunia itu hanya ada dalam kawasan kampus UiTM Perak ketika ini.

Rektor UiTM Perak, Prof Dr Zainab Mohamed, berkata penganjuran RASTA 2013 adalah sejajar dengan sambutan Hari Landskap Sedunia serta satu program strategik dalam agenda mewujudkan kampus lestari.

Kebanggaan warga kampus

“Warga kampus harus berbangga kerana spesies Keruing Padi yang hampir pupus di dunia ketika ini hanya ditemui di sini.

“Oleh itu, kita menggalakkan penggunaan gambar bunga pokok berkenaan sebagai logo dalam apa saja program dan acara yang dianjurkan kampus ini,” katanya ketika merasmikan pembukaan RASTA 2013, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Taib Zin dan Pengerusi Program, yang juga Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni UiTM Perak, Prof Madya Dr Norlida Mohd Noor.

Antara program diadakan sepanjang program itu ialah Forum RASTA 2013 bertajuk ‘Keruing Padi Khazanah Rimba, Warisan Dunia,’ pameran oleh agensi berkaitan, pameran karya kreatif hasil kerja pensyarah dan pelajar universiti itu yang bertemakan alam sekitar.

Selain itu, pertandingan mewarna, fotografi, senamrobik, gerai jualan dan ujian tahap pencemaran asap kenderaan secara percuma oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak.

Headline	Keruing Padi kebanggaan UiTM Perak		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	20 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	231,163
Page No	N5	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	180 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,015
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,045



*Prof Zainab menyempurnakan upacara **menanam pokok** pada majlis perasmian RASTA 2013 di UiTM Seri Iskandar, Perak.*

[FOTO SHAMSUL KAMAL AMARUDIN/BH]